

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

1 JANUARI 2026

TM. 12/2026

VM2026 DILANCARKAN: MALAYSIA MENYAMBU MESRA PELAWAT DI SELURUH NEGARA

PADANG BESAR — Tourism Malaysia menyambut ketibaan tahun baharu dengan penganjuran sambutan khas di pintu masuk antarabangsa serta hab pengangkutan utama negara bagi mengalu-alukan ketibaan pelawat antarabangsa bersempena pelancaran rasmi kempen Visit Malaysia 2026 (VM2026).

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato Sri Tiong King Sing, turut hadir memeriahkan majlis sambutan yang berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), salah satu lokasi utama bagi inisiatif pembukaan kempen ini. Sambutan serentak turut diadakan di 55 pintu masuk utama dan lokasi terpilih di kesemua 13 negeri di Malaysia.

“Visit Malaysia 2026 (VM2026) bukan sekadar sebuah kempen pelancongan, sebaliknya merupakan satu gerakan nasional yang mencerminkan semangat perpaduan, kemesraan serta kepelbagaian kaum dan budaya di negara kita. Sambutan ketibaan pelawat pada hari pertama tahun 2026 melambangkan komitmen Malaysia dalam menawarkan pengalaman pelancongan yang inklusif, kreatif dan mesra pengunjung sepanjang tahun,” kata YB Dato Sri Tiong King Sing.

Pada masa yang sama, sambutan di negeri Perlis turut diadakan dengan kehadiran YAB Tuan Abu Bakar bin Hamzah, Menteri Besar Perlis bagi memeriahkan sambutan ketibaan pelawat antarabangsa di Kompleks ICQS Padang Besar dan Stesen Kereta Api Padang Besar. Turut hadir sama untuk menyambut ketibaan pelawat ialah Encik Abdul Hadi Che Man, Pengarah Tourism Malaysia Wilayah Utara.

Penganjuran sambutan peringkat nasional ini direalisasikan menerusi kerjasama erat antara kerajaan negeri, syarikat penerbangan, pihak berkuasa lapangan terbang, penggiat industri pelancongan serta rakan strategik berkaitan. Sumbangan yang disalurkan merangkumi sokongan logistik, penyediaan lokasi, serta penganjuran bersama rakan strategik dan penaja seperti Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Perlis, BOH, Express Rail Link Sdn Bhd (ERL), Hock Kee, Gamuda Land, Grab Malaysia, Guardian, MAMEE, MITEC dan Syarikat Permainan Malaysia Sdn. Bhd.

Penajaan dalam bentuk baucar, produk makanan dan minuman, cenderamata, serta diskaun pusat tarikan ini telah menambah nilai kepada pengalaman ketibaan pelawat, sekali gus melambangkan kesiapsiagaan Malaysia dalam menyambut kunjungan pelancong dari seluruh dunia.

Bagi memeriahkan acara sambutan, ketibaan pelawat terawal di lokasi terpilih disambut dengan pelbagai persembahan kebudayaan Malaysia termasuk persembahan pemuzik jalanan serta persembahan kontemporari yang menampilkan elemen warisan negara disamping penampilan maskot rasmi kempen, Wira dan Manja. Para pelawat turut menerima cenderamata bertemakan

VM2026, termasuk rantai kunci eksklusif maskot kempen menjadikan percutian di Malaysia sempena VM2026 satu pengalaman unik dan sukar dilupakan.

Menerusi kempen VM2026, Malaysia menyasarkan untuk menarik 43 juta pelawat antarabangsa pada tahun 2026, selari dengan usaha berterusan memperkukuh sektor pelancongan sebagai salah satu pamacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Momentum positif ini diperkukuh oleh prestasi ketibaan pelawat antarabangsa yang memberangsangkan dari Januari hingga November 2025 dengan jumlah 38.3 juta pelawat antarabangsa. Berteraskan lagu tema Surreal Experiences, kempen VM2026 akan menampilkan rangkaian program yang meriah sepanjang tahun merangkumi festival, acara kebudayaan, pameran, serta sambutan komuniti yang direka khas bagi memukau dan menarik pelawat dari seluruh dunia.

Memanfaatkan potensi Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul, VM2026 dijangka mampu meningkatkan ketibaan pelawat, menjana peluang pekerjaan, serta memperkukuh imej negara di peringkat antarabangsa. Selain itu, kempen ini juga akan memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi komuniti setempat sambil menyokong kemajuan pelbagai sektor berkaitan termasuk pengangkutan, peruncitan, kraftangan serta industri kecil dan sederhana (IKS) yang lain.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Muhammad Zaki Talib

Timbalan Pengarah

Bahagian Promosi Antarabangsa (ASEAN)

zaki@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8253

Norshariza Mohd Saad

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

